



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KENYATAAN MEDIA

## SAMBUTAN HARI TANAH NEGARA TAHUN 2021 DAN PELANCARAN PELUASAN SISTEM e-TANAH

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri telah merasmikan secara maya sambutan Hari Tanah Negara Tahun 2021 (HTN 2021) pada hari ini dengan tema “Mendepani Cabaran Pasca Covid-19 Dalam Pentadbiran Tanah”. Beliau turut merasmikan “Pelancaran Peluasan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam-Swasta” ke Negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia setelah sistem tersebut digunakan dengan jayanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Perak.

HTN disambut setiap tahun pada 27 Julai bersempena dengan tarikh lantikan Pesuruhjaya Tanah dan Galian (*Commissioner of Lands and Mines*) yang pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 27 Julai 1896 bagi menghargai sumbangan warga pentadbiran tanah di seluruh Malaysia dalam memastikan perundangan pentadbiran tanah sentiasa relevan dan selari dengan arus perdana pembangunan negara.

Bersesuaian dengan norma baharu, sambutan HTN 2021 diadakan secara maya dengan pelbagai pengisian antaranya tiga (3) siri webinar dan program-program bual bicara melibatkan panel-panel yang berkaliber dalam aspek pentadbiran dan perundangan tanah serta pengurusan pusaka. Program-program ini memberi peluang kepada warga pentadbiran tanah seluruh negara, pemain industri dan orang awam untuk mencetuskan pemikiran baharu dan idea *beyond ordinary* ke arah memperkemaskan lagi pentadbiran tanah di Malaysia.

Pelaksanaan Sistem e-Tanah Secara Kerjasama Awam-Swasta secara rintis di Kuala Lumpur sejak tahun 2017 yang kemudiannya diperluaskan pula ke Negeri Perak pada Februari 2021 telah berjaya meningkatkan kualiti dan kecekapan pentadbiran tanah terutamanya semasa pelaksanaan tempoh kawalan pergerakan yang menghadkan urusan secara bersemuka.

Transformasi pentadbiran tanah menerusi Sistem e-Tanah ini berjaya melonjakkan kedudukan Malaysia dalam Laporan *Ease of Doing Business Year 2020* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia dari kedudukan ke-15 pada tahun 2019 kepada kedudukan ke-12 pada tahun 2020. Pihak Bank Dunia juga telah mengeluarkan laporan *Knowledge and Research* pada 2017, *The Malaysia Development Experience Series* yang bertajuk *Enhancing Public Sector Performance: Malaysia's Experience with Transforming Land Administration* untuk dikongsikan bersama negara-negara

lain tentang kemajuan Malaysia dalam mentransformasikan pentadbiran tanah. Sistem e-Tanah ini juga telah meraih pengiktirafan di peringkat antarabangsa pada tahun 2018 iaitu pencapaian *Gold Award Public Sector* di *Asean ICT Award 2018* yang telah diadakan di Indonesia.

Dengan kejayaan pelaksanaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak, pada hari ini juga, Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Bagi Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Putrajaya dan Labuan Secara Kerjasama Awam-Swasta telah dimeterai secara maya di antara Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengerusi Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd selaku syarikat konsesi bagi projek ini. Dengan termeterainya perjanjian konsesi ini, pembangunan Sistem e-Tanah akan dimulakan di kedua-dua Pejabat Tanah tersebut dan seterusnya akan memberi manfaat kepada pengguna dan pemilik tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Kerajaan akan terus mengorak langkah untuk melaksanakan peluasan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta ke Negeri Selangor, Terengganu, Pahang, Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan. Sistem e-Tanah di semua negeri tersebut dijangka akan selesai dibangunkan dan boleh digunapakai keseluruhan dan sepenuhnya selewat-lewatnya pada tahun 2024.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

27 Julai 2021